BAB 1: KEDUDUKAN STRATEGIK MENDORONG PENGUASAAN BRITISH

PERTAPAKAN SHTI DI PULAU PINANG

Kurun ke -18

↓

British berusaha mencari sebuah pangkalan di perairan Selat Melaka

1. Pangkalan itu adalah penting bagi British untuk
   - A. mengumpul barang dagangan tempatan
   - B. menghapuskan kegiatan lanun
   - C. menjalin hubungan dengan Siam
   - D. mengusir kuasa Belanda dari Kepulauan Melayu

2. Apakah tujuan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) mengambil Pulau Pinang?
I Menyekat pengaruh Perancis
II Menjadi pusat perluasan kuasa British
III Menjadi pelabuhan persinggahan
IV Menjadi pusat pengumpulan bahan mentah
   - A. I,II dan III
   - B. I,II dan IV
   - C. I,III dan IV
   - D. II,III dan IV

3. Mengapakah kerabat diraja Kedah tidak puas hati dengan pelantikan Tunku Abdullah sebagai Raja Muda Kedah?
   - A. Tunku Abdullah bukan anak gahara
   - B. Tunku Abdullah bukan kerabat diraja
   - C. Tunku Abdullah bukan putera sulung
   - D. Tunku Abdullah bukan keturunan Melayu

Sultan Muhammad Jiwa menghadapi serangan daripada tentera Bugis pada tahun 1770

4. Berdasarkan maklumat di atas, apakah yang dilakukan oleh Sultan Muhammad Jiwa?
I Berundur ke Kangar
II Melucutkan gelaran Tunku Abdullah sebagai Raja Muda Kedah
III Berdamai dengan kerabat diraja Kedah
IV Meminta bantuan ketenteraan daripada Firma Jourdian Sullivan and de Souza
   - A. I dan II
   - B. II dan III
   - C. III dan V
   - D. I dan IV

Tentera Bugis yang dipimpin oleh Raja Haji menyerang dan menawan Kuala Kedah dan Alor Setar pada akhir kurun ke-18

5. Serangan tersebut berpunca daripada
   - A. perang saudara Kedah
   - B. pertahanan sultan baru Kedah
   - C. penguasaan Siam ke atas Kedah
   - D. kepentingan perdagangan Kedah

Siam bangkit semula sebagai sebuah kuasa yang kuat selepas tamatnya perang dengan Burma

6. Apakah yang dituntut oleh Siam terhadap Kedah selepas itu?
I Bunga emas
II Wang
III Wilayah Perlis
IV Tenaga manusia
   - A. I,II dan III
   - B. I,II dan IV
   - C. I,III dan IV
   - D. II,III dan IV

7. Apakah halangan kepada SHTI untuk menguasai Pulau Pinang pada kurun ke-18?
   - A. Pengaruh Siam
   - B. Saingan daripada Perancis
   - C. Pemberontakan penduduk
   - D. Sultan enggan bekerjasama

British:
Saya telah dihantar oleh Firma Jourdain Sullivan and de Souza untuk berunding dengan mereka
Sultan:
Selamat datang ke negeri Kedah, semoga pihak tuan dapat membantu menyelesaikan masalah negeri beta

8. Dialog di atas mungkin diucapkan oleh Francis Light ketika menghadap Sultan Muhammad Jiwa pada tahun 1771. Mengapakah Sultan Kedah memohon bantuan firma di atas?
   - A. Memajukan ekonomi negeri
   - B. Mendapatkan bekalan senjata
   - C. Memelihara kedaulatan negeri
   - D. Meneroka kawasan perlombongan baru

- Siam
- Burma
- Bugis

9. Apakah tindakan Sultan Kedah untuk menghadapi ancaman dari kuasa-kuasa di atas?
   - A. Membina Kota di Kuala Kedah
   - B. Mendapat bantuan Belanda
   - C. Melaksanakan dasar buka pintu
   - D. Memohon bantuan British

| Tarikh | Peristiwa |
|---|---|
| 1786 | Penyerahan Pulau Pinang kepada British |

10. Berdasarkan jadual di atas apakah tujuan Sultan Kedah melakukan penyerahan tersebut?
   A. Menghalang kemaraan kuasa asing
   B. Mendapatkan bantuan ketenteraan
   C. Memulihkan kestabilan politik Kedah
   D. Meningkatkan kemajuan Pulau Pinang

| Tarikh | Peristiwa |
|---|---|
| 1770 | Pelantikan Tunku Abdullah sebagai Raja Muda Kedah |

11. Apakah reaksi kerabat diraja Kedah terhadap peristiwa di atas?
   A. Memulaukan perlantikan raja muda
   B. Mendapatkan bantuan Bugis di Selangor
   C. Bekerjasama dengan British
   D. Menyokong pelantikan Raja Abdullah

- British
- Perancis

12. Mengapakah persaingan tersebut berlaku?
   A. Memonopoli aktiviti Selat Melaka
   B. Memiliki sumber tenaga buruh
   C. Membuktikan kekuatan tentera
   D. Menguasai perdagangan di India

13. Apakah barangan yang yang diperlukan oleh negara China?
I Emas
II Lada hitam
III Candu
IV Teh
   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

14. Bagaimanakah Bugis turut terlibat dalam perebutan takhta di Kedah pada akhir kurun ke-18?
   A. Rampasan hasil perniagaan
   B. Pakatan dengan kerabat diraja
   C. Jemputan daripada Raja Abdullah
   D. Berperanan sebagai tentera upahan

15. Penghantaran bunga emas oleh Kedah kepada Siam telah dihentikan pada tahun 1753-n1781. Mengapa?
   A. Siam berperang dengan Burma
   B. Bugis menawan Kedah
   C. Kedah telah merdeka
   D. Kekacauan di Kedah

| Selepas tahun 1781 |
|---|
| Siam telah bangkit semula sebagai kuasa yang kuat |

16. Berdasarkan situasi di atas, apakah yang dituntut oleh Siam terhadap Kedah?
I Wang
II Tanaman
III Bunga emas
IV Tenaga manusia
   A. I,II dan III
   B. I,II dan IV
   C. I,III dan IV
   D. II,III dan IV

17. Petikan di bawah mungkin dituturkan oleh Sultan Kedah pada akhir kurun ke-18

> Beta berharap SHTI sanggup melindungi Kedah daripada ancaman Siam

Apakah ganjaran yang ditawarkan daripada bantuan di atas?
   A. Tanah di Seberang Perai
   B. Pembinaan loji di Kedah
   C. Kawasan di Pulau Pinang
   D. Cukai hasil tanaman

TIPU HELAH FRANCIS LIGHT BAGI MENDAPATKAN PULAU PINANG

> Sultan Abdullah menawarkan Pulau Pinang kepada Francis Light pada tahun 1786

18. Mengapakah Sultan Abdullah sanggup berbuat demikian?
   A. Untuk mendapatkan wang pampasan
   B. Untuk mendapatkan bantuan ketenteraan
   C. Untuk mengamankan pemberontakan di Pulau Pinang
   D. Untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai pentadbir

> Perjanjian Inggeris-Kedah 1786

19. Perjanjian di atas ditandatangani antara Francis Light dengan Sultan Kedah
Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan perjanjian di atas?
I SHTI membantu Kedah diserang musuh
II SHTI tidak boleh berhubung dengan Siam
III SHTI tidak boleh melindungi musuh Kedah
IV SHTI membayar pampas an kepada Sultan Kedah
   A. I,II dan III
   B. I,II dan IV
   C. I,III dan IV
   D. II,III dan IV

| |
|---|
| Perjanjian Persahabatan Dan Keamanan 1791 |

20. Perjanjian ini ditandatangani antara Sultan Kedah dengan SHTI. Apakah kesan penting perjanjian ini?
   A. SHTI menduduki Kedah secara rasmi
   B. SHTI menyerahkan Pulau Pinang kepada Kedah
   C. SHTI membantu Kedah mengalahkan Siam
   D. SHTI menjalin hubungan persahabatan dengan Kedah

| Pemimpin | Bantuan Tentera |
|---|---|
| Sultan Abdullah | Tentera Riau, Siak dan Selangor |
| Francis Light | Tentera British |

21. Jadual di atas menunjukkan persedian kedua-dua belah pihak untuk menghadapi peperangan Apakah punca peperangan tersebut?
   A. SHTI mungkir janji
   B. SHTI ingin menguasai Kedah
   C. SHTI berhubung dengan Siam
   D. SHTI ingin mengiktiraf pelantikan Sultan Abdullah

22. Apakah kesan Perjanjian Inggeris-Kedah 1786 ke atas Kedah?
   A. Kehilangan Pulau Pinang
   B. Mendapat perlindungan British
   C. Diletakkan di bawah kekuasaan British
   D. Perdagangan berkembang dengan pesat

23. Mengapakah SHTI bimbang kepentingan perdagangan mereka di Semenanjung Tanah Melayu terjejas?
   A. Persaingan kuasa Amerika Syarikat
   B. Kekacauan dalam negeri
   C. Perebutan takhta pembesar
   D. Dasar monopoli Belanda

| Tahun | Perkara | Tokoh terlibat |
|---|---|---|
| 1786 | Perjanjian Inggeris-Kedah | Sultan Abdullah dan Francis Light |

24. Apakah kandungan yang diperoleh oleh Francis Light dalam perjanjian tersebut?
   A. Monopoli urusan jual beli beras
   B. Menguasai cukai pelabuhan Kuala Kedah
   C. Menduduki Pulau Pinang dengan syarat
   D. Memperoleh ¼ daripada hasil bumi Kedah

| |
|---|
| Perjanjian Inggeris-Kedah 1786 |

25. Antara berikut, yang manakah merupakan syarat perjanjian tersebut?
I SHTI membantu Kedah jika diserang
II Sultan mendapat pampasan 30,000 dolar Sepanyol
III SHTI membuka pangkalan di Kuala Muda
IV Sultan mesti mendapat nasihat daripada British dalam soal cukai
   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. III dan IV

| |
|---|
| Upacara menaikkan bendera Union Jack telah diadakan pada 11 Ogos 1786 |

26. Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?
   A. Permulaan hubungan luar
   B. Kemajuan penduduk setempat
   C. Pemantapan ekonomi sultan
   D. Permulaan penjajahan British

| Tahun | Perkara |
|---|---|
| 1786 | SHTI enggan memberi bantuan kepada Kedah |

27. Mengapakah SHTI bertindak demikian?
   A. Menjamin perdagangan dengan Siam
   B. Kekurangan pasukan tentera
   C. Ancaman tentera China
   D. Larangan daripada raja British

| |
|---|
| Perjanjian Persahabatan dan Keamanan Inggeris-Kedah |

28. Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?
   A. Kerjasama ekonomi British dan Kedah
   B. Sultan Abdullah dihantar ke Melaka
   C. Pengenalan sistem tentera bergaji
   D. Pulau Pinang dikuasai British secara rasmi

Maklumat dalam jadual di bawah menunjukkan perkembangan di Pulau Pinang

| Tahun | Bilangan kapal |
|---|---|
| 1787 | 42 buah |
| 1790 | 104 buah |

29. Mengapakah berlaku perkembangan tersebut?
   A. Pengenalan cukai kompetitif
   B. Pertapakan British
   C. Perairan yang aman
   D. Penglibatan Siam

Sultan Abdullah mendesak Francis Light supaya meninggalkan Pulau Pinang tetapi Francis Light enggan . Malah beliau telah menawarkan ganti rugi

30. Mengapakah Sultan Abdullah menolak tawaran ganti rugi Francis Light?
   A. Pembayaran pampasan sedikit
   B. Pembolotan hasil bumi Kedah
   C. Penipuan yang dilakukan
   D. Pengenalan pelbagai cukai

31. Bagaimanakah Sultan Abdullah berusaha memperoleh semula Pulau Pinang daripada British?
I Mengadakan rundingan damai
II Mendapatkan bantuan luar
III Berkubu di Seberang Perai
IV Berbaik-baik dengan Siam
   A. I dan II
   B. II dan III
   C. III dan IV
   D. I dan IV

SHTI MENGAMBIL SEBERANG PERAI

32. Mengapakah SHTI mengambil keputusan untuk mendapatkan Seberang Perai daripada Sultan Kedah menjelang akhir abad ke-18?
I Benteng pertahanan
II Kawasan pertanian
III Pusat pengumpulan bahan mentah
IV Pelabuhan perdagangan
   A. I dan II
   B. II dan III
   C. III dan IV
   D. I dan IV

Jun 1800

↓

Perjanjian Persahabatan dan Perikatan ditandatangani antara Sultan Dziauddin dengan Gabenor George Leith

33. Berdasarkan maklumat di atas, mengapakah Sultan Dzauddin bertindak demikian?
   A. Baginda memerlukan bantuan kewangan
   B. Baginda gagal dalam peperangan
   C. Baginda memerlukan bantuan ketenteraan
   D. Baginda ingin menjalin hubungan perdagangan dengan SHTI

Perjanjian Burney 1826

34. Perjanjian di atas ditandatangani oleh Raja Siam dengan Henry Burney. Apakah kesan perjanjian itu kepada Kedah?
I Menjadi negeri naungan Siam
II Menghantar bunga emas kepada Siam
III Mendapat bantuan ketenteraan daripada SHTI
IV Menjadi sebuah negeri yang berdaulat
   A. I dan II
   B. II dan III
   C. III dan IV
   D. I dan IV

Janji SHTI untuk membantu Kedah menghadapi musuh tidak ditunaikan kerana bantuan tidak diberi apabila Kedah di serang oleh Siam pada tahun 1821

35. Apakah perumpamaan yang sesuai dengan sikap SHTI itu?
   A. Seperti gunting dalam lipatan
   B. Seperti mendukung biawak hidup
   C. Seperti menanam tebu di tepi bibir
   D. Seperti menconteng arang ke muka

British: British bersetuju mengiktiraf negeri Kedah sebagai hak Siam
Siam : Baiklah, semoga hubungan antara Siam dan British akan terus kukuh

36. Dialog di atas mungkin diucapkan oleh Kapten Henry Burney dan Raja Rama III . Antara kesan peristiwa di atas terhadap negeri Kedah ialah
I hilang kedaulatan negeri
II Sultan Kedah hilang takhta
III perlu menghantar ufti kepada Siam
IV Kedah bebas daripada ancaman Siam
   A. I,II dan III
   B. I,II dan IV
   C. I,III dan IV
   D. II,III dan IV

- Firma Jourdian Sullivan and de Souza
- Syarikat Hindia Timur Inggeris

37. Apakah keadah yang digunakan oleh wakil syarikat di atas untuk menduduki Pulau Pinang dan Seberang Perai?
   A. Menawarkan janji kosong
   B. Menawarkan bayaran pampas an
   C. Menghapuskan pemberontakan tempatan
   D. Mengadakan perjanjian dengan pembesar negeri

PERTAPAKAN SHTI DI SINGAPURA

| Tahun | Kawasan |
|---|---|
| 1786 | Pulau Pinang |
| 1819 | Singapura |

38. British berusaha menguasai kedua-dua kawasan di atas kerana
I kekayaan bahan mentah

II kedudukan yang strategik
III kepentingan perdagangan
IV keadaan politik yang stabil

A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

39. Mengapakah British ingin menguasai pelabuhan Singapura?

A. Menyekat monopoli perdagangan Belanda
B. Kekurangan barangan dagangan dari China
C. Mengawal ancaman lanun
D. Menyekat kemaraan kuasa Perancis

| |
|---|
| Pelabuhan Pulau Pinang mengalami kemerosotan menjelang kurun ke-19 |

40. Berdasarkan pernyataan di atas, apakah punca kemerosotan berikut?

A. Kedudukan yang kurang strategik
B. Kekurangan barangan dagangan
C. Kemajuan pelabuhan Acheh
D. Kadar cukai pelabuhan yang tinggi

| Stamford Raffles |
|---|
| • Palembang<br>• Acheh<br>• Riau |

41. Apakah halangan yang dihadapi oleh Stamford Raffles untuk membangunkan pelabuhan di atas?

A. Penguasaan Belanda
B. Pelabuhan yang cetek
C. Kekurangan penduduk
D. Kekurangan bahan dagangan

42. Perang Napoleon berakhir di Eropah pada tahun 1814. Apakah kesan daripada peristiwa tersebut kepada British?

A. Belanda enggan berdagang dengan British
B. Belanda menuntut Palembang
C. Perancis mengusir British dari India
D. British kehilangan pelabuhan Melaka

| |
|---|
| Surat-surat Kew |

43. Perjanjian di atas telah ditandatangani antara Raja Belanda dengan British. Antara berikut, apakah kesan perjanjian tersebut?
I British menguasai jajahan Belanda di Timur
II British menguasai perdagangan di Selat Melaka
III Belanda kehilangan tanah jajahan di Eropah
IV Belanda di tawan oleh Perancis

A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

| |
|---|
| Surat-surat Kew |

44. Mengapakah Surat-surat Kew tersebut ditandatangani?

A. Kerjasama menandingi Perancis
B. Elakkan kehilangan tanah jajahan di Timur
C. Monopoli perdagangan rempah
D. Hapuskan kekacauan dalam negeri

45. Apakah dasar perdagangan Belanda di Betawi terhadap British?

A. Layanan buruk
B. Cukai baru dilaksanakan
C. Kadar sewa pelabuhan yang tinggi
D. Urus niaga tidak dijalankan pada setiap hari

| |
|---|
| Perjanjian antara Temenggung Abdul Rahman dengan Stamford Raffles pada 30 Januari 1819 |

46. Mengapakah perjanjian di atas dianggap tidak sah?

A. Tanpa persetujuan SHTI
B. Tanpa persetujuan Belanda
C. Tanpa persetujuan Sultan Johor
D. Tanpa persetujuan Sultan Hussein

| Perjanjian 7 Jun 1823 |
|---|
| • Sultan Hussein<br>• Temenggung Abdul Rahman<br>• Stamford Raffles |

47. Apakah kesan perjanjian di atas?

A. Sultan Hussein berkuasa di Johor
B. British berkuasa penuh di Singapura
C. Johor menjadi tanah jajahan British
D. British kehilangan monopoli perdagangan

| Perjanjian 7 Jun 1823 |
|---|
| Ditandatangani antara Raffles dengan Sultan Hussein dengan Temenggung Abdul Rahman |

| Perjanjian 2 ogos 1824 |
|---|
| Ditandatangani antara John Crawford dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman |

48. Apakah tujuan British menandatangani perjanjian berkali-kali dengan Sultan Johor?

A. Membuka petempatan baru di Singapura
B. Mengawal perdagangan di Singapura
C. Menguasai Singapura buat selama-lamanya
D. Mengutip cukai daripada penduduk Singapura

49. Antara keistimewaan Singapura ialah
I berada di selatan Selat Melaka
II selamat daripada ancaman lanun
III sesuai dijadikan pelabuhan bebas
IV mampu menyaingi Belanda di Betawi

A. I,II dan III
B. I,II dan IV
C. I,III dan IV
D. II,III dan IV

- Singapura
- Johor
- Pahang

50. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, ketiga-tiga buah negeri Melayu dalam jadual di atas berada di bawah kekuasaan

A. kerajaan Johor
B. kesultanan Pahang
C. kesultanan Melaka
D. kerajaan Riau-Lingga

Pulau Pinang gagal mencapai kemajuan yang diharapkan oleh SHTI. Keadaan tersebut menyebabkan pedagang beralih ke pelabuhan lain

51. Antara berikut, pelabuhan manakah yang menjadi tumpuan?
I Riau
II Betawi
III Palembang
IV Linggi

A. I,II dan III
B. I,II dan IV
C. I,III dan IV
D. II,III dan IV

| Pelabuhan |
|---|
| • Acheh<br>• Riau<br>• Palembang |

52. Apakah kesan daripada kegagalan pelabuhan-pelabuan tersebut?

A. Beralih ke negara Burma
B. Monopoli perdagangan teh China
C. Gagal mendapat sumber makanan
D. Sukar menyaingi Belanda

Singapura

53. Mengapakah Raffles menghadapi masalah untuk menguasai tempat tersebut?

A. Sultan Abdul Rahman berpihak kepada Belanda
B. Temenggung Ibrahim dibantu oleh tentera Bugis
C. Kegiatan lanun berleluasa
D. Indonesia menguasai pentadbiran

- Sultan menerima bayaran sebanyak 1500 dolar Sepanyol dan Temenggung Ibrahim menerima 800 dolar Sepanyol setiap bulan
- Sultan dan Temenggung tidak berhak menerima atau mengutip cukai dari tongkang Cina
- Undang-undang British dilaksanakan

54. Mengapakah syarat perjanjian tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati Raffles?

A. Terpaksa membayar pampasan tinggi
B. Ancaman daripada Belanda
C. Sukar mengawal lanun
D. Gagal berkuasa ke atas Singapura

| Perjanjian | Tarikh |
|---|---|
| Perjanjian antara Temenggung Ibrahim dan Raffles | 31 Januari 1819 |

55. Antara syarat-syarat perjanjian tersebut ialah
I SHTI boleh membina loji di Singapura
II Temenggung menerima 3000 dolar setahun
III SHTI kuatkuasa undang-undang British
IV Temenggung dihalang ada hubungan luar

A. I,II dan III
B. I,II dan IV
C. I,III dan IV
D. II,III dan IV

| Sultan | Tempat semayam |
|---|---|
| Sultan Hussein | Singapura |
| Sultan Abdul Rahman | Lingga |

56. Mengapakah wujud keadaan sedemikian?

A. Pelantikan semula Tengku Abdul Rahman
B. Pelantikan Tengku Hussein
C. Pemecatan Sultan Mahmud III
D. Penyingkiran pengaruh Belanda

SHTI telah mengarahkan Temenggung Abdul Rahman memindahkan pusat pentadbirannya dari Kuala Sungai Singapura ke Teluk Belanga

57. Apakah alasan pemindahan tersebut?

A. Kawalan kegiatan lanun
B. Elak ancaman Belanda
C. Selesaikan masalah perebutan takhta
D. Pembangunan dalam negeri

PERPECAHAN KEPULAUAN MELAYU

Tindakan SHTI membuka petempatan di Singapura dipertikaikan oleh Belanda dan mewujudkan ketegangan di antara kedua-dua pihak

58. Bagaimanakah masalah tersebut di atasi?
A. SHTI menyerahkan Bangkahulu kepada Belanda
B. SHTI berundur ke Singapura
C. SHTI menandatangani perjanjian dengan Belanda
D. SHTI membenarkan Belanda berdagang di Singapura

59. Apakah faktor yang menyebabkan perjanjian Inggeris Belanda 1824 ditandatangani?
A. Perebutan takhta kerajaan Johor
B. Kemerosotan pelabuhan Betawi
C. Pembukaan petempatan British di Singapura
D. Pertabalan Tengku Hussein sebagai Sultan Johor

| Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 |
|---|

60. Apakah syarat-syarat perjanjian tersebut?
I Belanda mengiktiraf petempatan British di Singapura
II Belanda mengiktiraf petempatan British di Pulau Pinang
III Belanda tidak membuka petempatan baru di Tanah Melayu
IV British tidak akan membuka petempatan baru di selatan Singapura
A. I,II dan III
B. I,II dan IV
C. I,III dan IV
D. II,III dan IV

61. Apakah kesan perjanjian Inggeris-Belanda 1824 dalam jangka masa panjang?
A. British dapat menguasai Asia Tenggara
B. British dapat menguasai negeri-negeri di Tanah Melayu
C. British dapat menyekat pegaruh Belanda di Kepulauan Melayu
D. British dapat memonopoli perdagangan di Kepulauan Melayu

62. Bagaimanakah perjanjian Inggeris-Belanda 1824 memberi kesan kepada kerajaan Johor?
A. Bertambah kukuh politiknya
B. Menerima perlindungan British
C. Berpecah kepada dua kawasan pengaruh
D. Masalah perwarisan tahkta dapat diselesaikan

- Riau
- Lingga

63. Kedua-dua kawasan di atas disebut dalam perjanjian Inggeris – Belanda. Apakah yang dapat dikaitkan dengan kedua-dua kawasan tersebut?
A. Bertaraf sebagai kawasan bebas
B. Dikuasai oleh Belanda
C. Di bawah pengaruh kerajaan British
D. Bersatu sebagai tanah jajahan SHTI

PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI SELAT

- Melaka
- Singapura

64. Siapakah yang mentadbir kedua-dua negeri tersebut sekitar tahun 1824?
A. Residen Jeneral
B. Leftenan Gabenor
C. Gabenor
D. Residen

| Residen Konsuler |
|---|

65. Jawatan di atas telah ditubuhkan oleh British dalam pentadbiran Negeri-Negeri Selat. Apakah fungsi jawatan tersebut?
A. Membantu Gabenor
B. Melaksanakan undang-undang Barat
C. Menasihati dalam hal ehwal kewangan
D. Memelihara adat tempatan

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1826 | Pembentukan Negeri-Negeri Selat |

66. Berdasarkan jadual di atas, mengapakah British menyatukan Pulau Pinang, Singapura dan Melaka di bawah pentadbiran tersebut?
A. Mengukuhkan pertahanan
B. Menyeragamkan sistem pentadbiran
C. Mengurangkan birokrasi pentadbiran
D. Menyelaraskan perkongsian tenaga pakar

67. British telah memperkenalkan mata wang pertama di Negeri-Negeri Selat pada tahun 1871. Pengeluaran mata wang di atas bertujuan
I menggantikan dolar Sepanyol
II meningkatkan keuntungan pedagang
III menghapuskan penggunaan Rupee India
IV menyeragamkan aktiviti perdagangan
A. I,II dan III
B. I,II dan IV
C. I,III dan IV
D. II,III dan IV

- Tempat buangan banduan
- Pergaduhan kongsi gelap Cina
- Pengenalan Akta Mata Wang 1855

68. Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kesan tindakan British di Singapura tersebut?
A. Pemindahan pentadbiran Negeri-Negeri Selat
B. Pengenalan sistem perundangan barat
C. Kemerosotan jumlah pedagang

D. Kebajikan penduduk tempatan diabaikan

| Tarikh | Peristiwa |
|---|---|
| 1 April 1867 | Pengisytiharaan Negeri-Negeri Selat sebagai tanah jajahan British |

69. Apakah kesan pengisytiharaan tersebut ke atas Negeri-Negeri Selat?
A. Majlis Perundangan ditubuhkan
B. Kegiatan perdagangan kian merosot
C. Menjadi tempat buangan banduan
D. Pengisytiharaan Singapura sebagai pelabuhan bebas

70. Apakah tujuan British menubuhkan Negeri-Negeri Selat pada tahun 1826?
I Memajukan perdagangan
II Menjimatkan perbelanjaan
III Menyeragamkan pentadbiran
IV Mengawal pengaruh Belanda
A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

| Negeri | Tahun |
|---|---|
| Pulau Pinang | 1786 |
| Singapura | 1819 |
| Singapura | 1824 |

71. Jadual di atas menunjukkan negeri-negeri yang dikuasai oleh SHTI. Bagaimanakah SHTI menyelaraskan pentadbiran di negeri-negeri tersebut?
A. Memperkenalkan Sistem Residen
B. Menubuhkan Negeri-Negeri Selat
C. Membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu
D. Menempatkan gabenor di setiap negeri

72. Mengapakah British memindahkan ibu negeri Negeri-Negeri Selat dari Pulau Pinang ke Singapura pada tahun 1832?
A. Memudahkan pentadbiran
B. Kedudukan lebih strategik
C. Terlindung daripada tiupan angin monsun
D. Mengurangkan perbelanjaan

| |
|---|
| Pentadbiran Negeri-Negeri Selat diketuai oleh Gabenor yang menerima arahan daripada Gabenor Jeneral di India |

73. Siapakah yang membantu Gabenor menjalankan pentadbiran di peringkat negeri?
A. Residen
B. Residen Konsuler
C. Pembesar tempatan
D. Pesuruhjaya Tinggi British

74. Siapakah yang bertanggungjawab menggubal dasar dan undang-undang Negeri-Negeri Selat?
A. Gabenor
B. Gabenor Jeneral
C. Parlimen British
D. Residen Konsuler

| |
|---|
| Pada April 1867, pentadbiran negeri-Negeri Selat telah dipindahkan ke London dan diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Tanah Jajahan di London kerana tidak puas hati penduduk dan para pedagang di NNS |

75. Mengapakah mereka tidak berpuas hati?
I Pengabaian kebajikan NNS
II Pengenalan Akta Mata Wang 1855
III Penghapusan taraf pelabuhan bebas
IV Penyekatan kemasukan imigran China
A. I,II dan III
B. I,II dan IV
C. I,III dan IV
D. II,III dan IV

| 1 April 1867 |
|---|
| NNS di letakkan di bawah tanggungjawab Pejabat Tanah Jajahan di London |

76. Apakah status NNS berikutan perkembangan tersebut?
A. Negeri yang bebas
B. Tanah jajahan British
C. Negeri naungan British
D. Jajahan perlindungan British

| 1826 Pulau Pinang | → | 1832 Singapura |
|---|---|---|

77. Rajah di atas merujuk kepada pusat pentadbiran Negeri-Negeri Selat. Penubuhan tersebut dilakukan kerana
A. kepesatan pelabuhan Singapura
B. desakan pelabur asing
C. menyekat kemaraan kuasa asing
D. kestabilan politik Pulau Pinang tergugat